

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.10 HINGGA NO. 76)**

18 MAC 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 18 MAC 2015, RABU**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan walaupun pihak JKR telah memberi kesanggupan mengubah laluan 'alignment' jalan baru bagi mengelakkan rumah-rumah kampung tradisi Melayu di Banggol Donas, Terengganu, kenapa sehingga hari ini ianya belum dilaksanakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan di Kg. Banggol Donas, Kuala Terengganu tersebut ialah sebahagian daripada skop Projek Membina Jalan dan Jambatan dari Jeram Ke Kampung Tok Kong Ke Bukit Guntung, Kuala Terengganu. Projek ini terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Terengganu dan dilaksanakan di bawah seliaan JKR Negeri Terengganu.

Skop projek berkenaan melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 5.6 kilometer termasuk membina sebuah jambatan baru dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM226 juta. Pada masa kini kemajuan keseluruhan di tapak telah mencapai tahap kemajuan 90%. Walau bagaimanapun proses pengambilan tanah untuk jajaran di Kg. Banggol Donas tidak dapat dilaksanakan pada masa kini berikutan terdapat injunksi mahkamah yang difailkan oleh penduduk terlibat pada bulan Oktober 2013. Ini mengakibatkan pelaksanaan keseluruhan projek ini tertangguh kerana menunggu keputusan daripada pihak mahkamah.

Kementerian ini dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengubah jajaran atau 'alignment' jalan di Kampung Banggol Donas tersebut. Ini kerana sebarang perubahan terhadap reka bentuk geometri jalan berkenaan akan meningkatkan kos projek berikutan ia akan melibatkan lebih banyak pengambilan lot tanah.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH : 18 MAC 2015**

**SOALAN : 11**

**MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian dalam membantu meningkatkan sosioekonomi penduduk di kawasan DUN Inanam khususnya Kaum Kadazan Dusun Murut yang dilihat ketinggalan dalam agihan peluang sosioekonomi setempat.

## **JAWAPAN**

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan amat prihatin akan keperluan rakyat terutamanya yang berada di luar bandar dan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), pelbagai pembangunan sosio ekonomi luar bandar kepada semua kaum termasuklah Kaum Kadazan Dusun Murut termasuk di kawasan DUN Inanam. KKLW dalam usaha melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) berteraskan kepada Program Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Program (RTP)* yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri.

Melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Infrastruktur Asas Luar Bandar yang bermula pada tahun 2010 telah memberi manfaat kepada penduduk luar bandar bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakatnya serta menyediakan keperluan asas bagi merangsang aktiviti ekonomi.

Di samping projek pembangunan, Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah RM13.6 juta untuk negeri Sabah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan program peningkatan pendapatan penduduk luar bandar. Antara program yang dilaksanakan oleh Kementerian di negeri Sabah adalah Program Desa Abad ke-21 (*21st Century Village*), *Rural Business Challenge (RBC)* dan Program Desa Lestari.

Program lain yang turut dilaksanakan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan dan menjana pembangunan ekonomi penduduk luar bandar di negeri Sabah adalah seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Lonjakan Mega Luar Bandar (Agropolitan), Program Tanam Semula Getah dan Sawit dan program penyediaan infrastruktur ladang.

Sehingga tahun 2014, pihak Kementerian telah melaksanakan dua(2) Projek Agropolitan di Sabah. Projek ini dijangka dapat melonjakkan pendapatan peserta dari RM300.00 kepada RM1,800.00 sebulan

dengan penglibatan peserta secara aktif di ladang dan melalui agihan dividen kepada peserta.

Melalui Program Peningkatan Pendapatan, sejumlah RM3.0juta telah diperuntukkan pada tahun 2014 dan seramai 319 peserta di negeri Sabah telah diberi bantuan mesin, peralatan, premis/bengkel dan kursus pra-pelaksanaan projek, bimbingan dan bahan-bahan mentah bagi menjalankan projek-projek ekonomi di dalam bidang perusahaan asas tani, perniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian/penternakan. Bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, sejumlah RM3.0juta telah diperuntukkan dan seramai 429 orang telah diberi latihan kemahiran untuk meningkatkan pendapatan.

Kementerian ini amat komited dalam memastikan penduduk luar bandar memperoleh kehidupan berkualiti selaras matlamat ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 18.3.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar di setiap IPTA yang tercicir atau tidak menyambung pengajian mengikut negeri-negeri dari tahun 2010 sehingga 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar warganegara di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) yang mengikuti pengajian di peringkat Matrikulasi, Diploma, Profesional, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lepas Ijazah, Sarjana, Ph.D dan lain-lain dari tahun 2012 sehingga 31 Oktober 2014 adalah seramai 1,668,580 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 28,969 orang pelajar warganegara atau 1.74 peratus yang keciciran atau tidak menamatkan pengajian.

Pada tempoh tersebut, menunjukkan berlakunya *trend* penurunan pelajar warganegara yang tidak menamatkan pengajian di mana 2.35 peratus pada tahun 2012, 1.69 peratus pada tahun 2013 dan 1.24 peratus pada tahun 2014.

RJM38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[ PAYA BESAR ]**  
**TARIKH : 18 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah respons di Malaysia terhadap kempen kesedaran mengenai Pneumokokal yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai penyakit yang disifatkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai punca nombor 1 kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun di seluruh dunia ini.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Mengikut garis panduan WHO, negara-negara disaran melaksanakan pemberian vaksin ini secara meluas sebagai sebahagian dari program imunisasi Kebangsaan sekiranya kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun melebihi 50 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Kadar kematian di Malaysia pada tahun 2012 hanyalah 8.1 per 1,000 kelahiran hidup. Sehubungan dengan itu, Kerajaan belum lagi memutuskan untuk memasukkan vaksin ini ke dalam "*Expanded Program of Immunisation*" Kebangsaan (EPI).

Walau bagaimanapun, KKM sedang dalam proses mengumpulkan data bagi membuat analisa keberkesanan kos sekiranya vaksin ini dimasukkan dalam jadual EPI sedia ada. Ini termasuk meneliti jenis serotaip bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang ada di persekitaran Malaysia.

Kementerian ada membuat kempen kesedaran secara individu kepada ibu bapa dan kempen kesedaran dengan kerjasama badan-badan profesional dan badan bukan Kerajaan memandangkan vaksin ini sememangnya telah berdaftar dan terdapat di pasaran. Buat masa ini harga vaksin bagi 4-dos lengkap di pasaran ialah sekitar RM1,000 ke RM1,500.